



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

MOTIF SULAMAN KERINGKAM SARAWAK

Zaitulniza Binti Sulaiman

54300

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

2018

MOTIF SULAMAN KERINGKAM SARAWAK

ZAITULNIZA BINTI SULAIMAN

54300

Projek ini merupakan salah satu keperluan
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: **MOTIF SULAMAN KERINGKAM SARAWAK**

SESI PENGAJIAN :2015/2016

Saya : **ZAITULNIZA BINTI SULAIMAN**

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan(/)

SULIT

TERHAD

/

TIDAK TERHAD

(mengandungi maklumat yang berdajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)
(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh :

Tandatangan Penyelia

Tarikh :

Alamat tetap :

No 196, Kampung Tabuan,
93450 Jalan Setia Raja
Kuching, Sarawak.

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**MOTIF SULAMAN KERINGKAM SARAWAK**' telah disediakan oleh **Zaitulniza Binti Sulaiman** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Rahah Hj. Hassan)

Tarikh :

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) yang lain.

Yang Benar,

(ZAITULNIZA BINTI SULAIMAN)

54300

PENGURUSAN SENI

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga sehingga kami telah berhasil menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan diberi kepada individu penting yang banyak membantu saya sepanjang saya menyiapkan tugas ini iaitu Puan Rahah Binti Hasan, selaku penyelia penyelidikan bagi tesis ini. Beliau banyak membantu dan membimbing kepada saya dalam menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Jasa beliau amat saya hargai.

Di samping itu, ribuan terima kasih kepada pihak yang banyak membantu dalam menjayakan kajian ini terutamanya kepada pihak informan dan institusi-institusi yang pengkaji lawati.

Seterusnya, terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan kerana memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya. Begitu juga dengan mereka yang terlibat samaada secara langsung atau tidak langsung. Jasa mereka akan saya kenang ke akhir hayat.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti motif sulaman keringkam Sarawak. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif, observasi dan temubual dengan penyulam aktif di sekitar Kuching, dan koleksi keringkam Jabatan Muzium Sarawak. Dokumentasi visual yang dilaksanakan dalam kajian ini mengupas motif berdasarkan seni Islam yang didapati adalah ilham dari alam dan tumbuhan dalam persekitaran tempatan mereka.

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the Sarawak's keringkam embroidery motifs. Researcher used qualitative method, observation, and interview with the active embroiders around Kuching, and Sarawak Museum's keringkam collection. Visual documentation is conducted in this study to analyze motifs according to Islamic art that can be found in nature surrounding embroiders.

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
HALAMAN TAJUK	I
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN	II
PENGESAHAN DAN TANDATANGAN PENYELIA	III
PENGAKUAN PELAJAR	IV
PENGHARGAAN	V
ABSTRAK	VI
<i>ABSTRACT</i>	VII
SENARAI KANDUNGAN	VII
SENARAI GAMBAR	XII
SENARAI CARTA	XVI
SENARAI JADUAL	XVII
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Kaum Melayu Sarawak	5
1.2.2 Kraftangan Melayu	6
1.2.3 Reka Bentuk Motif Melayu	7
1.2.4 Sulaman Keringkam	8
1.2.5 Sulaman Keringkam Melayu Sarawak	9
1.3 Permasalahan Kajian	11

1.4	Persoalan Kajian	12
1.5	Objektif Kajian	13
1.6	Skop Kajian	14
1.7	Lokasi Kajian	15
1.8	Kepentingan Kajian	16
1.9	Limitasi Kajian	17
1.10	Rumusan	18

BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Motif Tekstil Tradisional Melayu	20
2.2.1	Reka Bentuk Motif	20
2.2.2	Tekstil Melayu	22
2.2.3	Motif Tekstil Melayu	24
2.2.4	Motif Tekstil Melayu Sarawak	26
2.3	Asal-usul Seni Sulaman	30
2.3.1	Seni Sulaman	30
2.3.2	Seni Sulaman Melayu	33
2.4	Asal-usul Nama Keringkam	36
2.4.1	Semenanjung Malaya (Malaysia)	37
2.4.2	Borneo	38
2.4.3	Sarawak	39
2.5	Fungsi Tudung Keringkam pada Masyarakat Melayu Sarawak	41

2.6	Motif Geometri Islam	46
2.7	Rumusan	49
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	50
3.2	Kajian Kerja Lapangan	52
3.3	Kajian Keperpustakaan	54
3.4	Instrumen Kajian	55
3.5	Alat Analisis	56
3.6	Metod Pengumpulan Data	59
3.7	Rangka Kerja	60
3.8	Rumusan	62
BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	63
4.2	Analisis Data	65
4.2.1	Demografi Informan	68
4.3	Dapatan Kajian	70
4.3.1	Senarai Motif Keringkam Sarawak (Motif Flora)	72
4.3.2	Senarai Motif Keringkam Sarawak (Motif Geometri)	72
4.3.3	Senarai Motif Keringkam Sarawak (Motif Kosmos)	73
4.4	Sumber Idea dalam Penghasilan Motif Sulaman Keringkam Sarawak	75

4.5	Alatan dan Teknik yang Digunakan untuk Penghasilan Motif	80
4.6	Pendokumentasian	84
4.6.1	Motif Geometri	84
4.6.2	Motif Flora	103
4.6.3	Motif Kosmos	119
4.6.4	Motif Bebas atau Rawak (<i>free-hand motifs</i>)	120
4.7	Rumusan	123
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.1	Pendahuluan	124
5.2	Kesimpulan Bab	125
5.3	Rumusan	128
5.4	Cadangan	130
5.4.1	Penyulam Keringkam	130
5.4.2	Institusi Seni dan Budaya	131
5.4.3	Pengkaji akan datang	132
5.5	Kesimpulan	133
GLOSARI		135
BIBLIOGRAFI		137
LAMPIRAN		139

SENARAI GAMBAR

SENARAI GAMBAR	MUKA SURAT
BAB 1	
Gambar 1.1 : Selayah keringkam Kampung Budaya Sarawak	3
Gambar 1.2 : Peta Kuching, Sarawak	15
BAB 2	
Gambar 2.1 : Struktur asas sulaman motif atas selayah keringkam	29
Gambar 2.2 : Jubah Naga Kaisar	31
Gambar 2.3 : Sulaman zaman Mesir	32
Gambar 2.4 : Sulaman <i>bohça</i> dari Turki	35
Gambar 2.5 : Sulaman tudung manto, Daik, Indonesia	40
Gambar 2.6 : Selayah keringkam sebagai hiasan tabir <i>bermukun</i>	43
Gambar 2.7 : Selayah keringkam digunakan dalam majlis khatamal Al-Quran	44
Gambar 2.8 : Pakaian tradisi “ <i>Gajah Olen</i> ”	44
Gambar 2.9 : Tikar pandan dibungkus dengan selayah keringkam	45
Gambar 2.10: Selayah keringkam digunakan dalam upacara “ <i>makan nasi temuan</i> ”	45
Gambar 2.11: Corak geometri Islam pada seni bina <i>The Great Mosque Of Kairouan</i> , Tunisia	48

BAB 3

Gambar 3.1 : Peringkat pertama penghasilan corak geometri Islam	57
---	----

BAB 4

Gambar 4.1 : Peta kampung di sekitar tebingan Sungai Sarawak	67
--	----

Gambar 4.2 : Perbandingan motif tampuk manggis tahun 1947 dengan 2017	76
--	----

Gambar 4.3 : Cara kiraan urat benang pada kain	81
--	----

Gambar 4.4 : Teknik membuat lakaran kecil sebelum menyulam	82
--	----

Gambar 4.5 : Motif geometri ; Tali air	83
--	----

Gambar 4.6 : Motif geometri ; Lada tumpah	84
---	----

Gambar 4.7 : Motif geometri ; <i>Renda joneh</i>	85
--	----

Gambar 4.8 : Motif geometri ; Pucuk rebung	86
--	----

Gambar 4.9 : Motif geometri ; <i>Palak lalat</i>	87
--	----

Gambar 4.10: Motif geometri ; Susun bata	88
--	----

Gambar 4.11: Motif geometri ; <i>Sisi renda beguntin</i>	89
--	----

Gambar 4.12: Motif geometri ; Halwa	90
-------------------------------------	----

Gambar 4.13: Motif geometri ; Renda cengkerang	91
--	----

Gambar 4.14: Motif geometri ; <i>Tali air bepalak lalat</i>	92
---	----

Gambar 4.15: Motif geometri ; Bunga cinta kelopak empak	93
---	----

Gambar 4.16: Motif geometri ; Gigi ikan yu	94
--	----

Gambar 4.17: Motif geometri ; <i>Pecah palak lalat</i>	95
--	----

Gambar 4.18: Motif geometri ; Pucuk rebung zig-zag	96
--	----

Gambar 4.19: Motif geometri ; <i>Lada tumpah bepalak lalat</i>	97
--	----

Gambar 4.20: Motif geometri ; Gunung beranak / gunung tiga	98
Gambar 4.21: Motif geometri ; <i>Telok berantei</i>	99
Gambar 4.22: Motif geometri ; Kacang-kacang	100
Gambar 4.23: Motif geometri ; Pelayang	101
Gambar 4.24: Motif flora ; <i>Bunga nerejas</i>	102
Gambar 4.25: Motif flora ; Bunga lalang	103
Gambar 4.26: Motif flora ; Daun	104
Gambar 4.27: Motif flora ; <i>Sulor bunga</i>	105
Gambar 4.28: Motif flora ; Tampuk manggis	106
Gambar 4.29: Motif flora ; Bunga mawar	107
Gambar 4.30: Motif flora ; Bunga mawar melelat	108
Gambar 4.31: Motif flora ; Cengkih	109
Gambar 4.32: Motif flora ; Bunga selit/ cakar ayam	110
Gambar 4.33: Motif flora ; Tabur dua kelopak	111
Gambar 4.34: Motif flora ; Bunga melor/ kerang	112
Gambar 4.35: Motif flora ; Bunga tanjung	113
Gambar 4.36: Motif flora ; Bunga tampuk pedada	114
Gambar 4.37: Motif flora ; Bunga tampuk manggis (1947)	115
Gambar 4.38: Motif flora ; Bunga tampuk manggis (2017)	116
Gambar 4.39: Motif flora ; Tampuk pedada	117
Gambar 4.40: Motif kosmos ; Bintang kelopak lima	118
Gambar 4.41: Motif bebas ; Bunga raya	119
Gambar 4.42: Motif bebas ; <i>Pucok pakuk</i>	119
Gambar 4.43: Motif bebas ; Tiada data dijumpai	119

Gambar 4.44: Motif bebas ; Tiada data dijumpai	119
Gambar 4.45: Motif bebas ; Bunga kiambang bertaut	120
Gambar 4.46: Motif bebas ; <i>Bunga kiambang beranyut</i>	120
Gambar 4.47: Motif bebas ; Tiada data dijumpai	120
Gambar 4.48: Motif bebas ; Tiada data dijumpai	120
Gambar 4.49: Motif bebas ; <i>Bunga berimbun</i>	121
Gambar 4.50: Motif bebas ; <i>Bunga sukut</i>	121
Gambar 4.51: Motif bebas ; Tiada data dijumpai	121
Gambar 4.52: Motif bebas ; Tiada data dijumpai	121

SENARAI CARTA

SENARAI GAMBAR

MUKA SURAT

BAB 3

Carta 3.1	: Carta kaedah kualitatif	51
Carta 3.2	: Carta analisa maklumat	54
Carta 3.3	: Carta metode pengumpulan data	59
Carta 3.4	: Carta rangka kerja untuk menganalisis data	60

BAB 4

Carta 4.1	: Carta sumber idea dalam penghasilan dan penamaan motif keringkam Sarawak	77
-----------	--	----

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
BAB 3	
Jadual 3.1 : Jadual katalog motif	61
BAB 4	
Jadual 4.1 : Demografi informan	68
Jadual 4.2 : Senarai motif keringkam Sarawak (Motif flora)	72
Jadual 4.3 : Senarai motif keringkam Sarawak (Motif kosmos)	72
Jadual 4.4 : Senarai motif keringkam Sarawak (Motif geometri)	73

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan lebih jelas mengenai perkara yang terdapat dalam kajian penyelidikan ini. Selain itu, tujuan pengkaji membuat kajian penyelidikan ini juga akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bahagian ini. Pengkaji menjalankan penyelidikan ini dengan tujuan untuk mengenal pasti motif pada keringkam Sarawak. Hal ini kerana, setiap motif yang ada pada sulaman keringkam mempunyai reka bentuk tersendiri. Selain itu, warisan dan budaya Melayu Sarawak perlu dipelihara dan dipulihara. Justeru itu, kajian ini menitikberatkan motif pada sulaman keringkam supaya keasliannya sebagai warisan dan budaya Melayu Sarawak dapat difahami dan dapat dikekalkan.

Sarawak merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan kekayaan adat dan budaya dari pelbagai etnik. Di samping itu, setiap etnik juga mempunyai harta warisan yang diwarisi sejak turun-temurun. Antara warisan tersebut seperti pakaian, aksesori, peralatan rumah, adat, dan banyak lagi. Pengkaji akan mengkaji produk kraftangan daripada masyarakat Melayu Sarawak yang bertempat di Kuching dan merupakan ibu negeri kepada negeri Sarawak. Menurut Jeniri Amir (2015),¹ perkampungan kecil kaum Melayu sudah wujud pada abad ke-19 di sekitar Batang Lupar dan Kuching seperti yang terdapat di

¹ Amir, J. (2015). Asal Usul Melayu Sarawak: Menjejak Titik Pasti. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jilid 8 Bil. 1.

sepanjang Sungai Sarawak seperti Kampung Lintang, Kampung Boyan, Kampung Gersik dan lain-lain.

Pakaian masyarakat Melayu sudah semestinya melambangkan keperibadian masyarakat tersebut, sama seperti kaum Melayu di Sarawak, pakaian tradisi yang diwarisi sejak turun-temurun serta melambangkan identiti mereka sendiri. Masyarakat Melayu Sarawak terkenal dengan pemakaian tudung yang disulam dengan benang logam yang disaluti emas atau perak. Tudung tersebut juga dikenali sebagai selayah atau selendang. Benang logam yang digunakan ialah benang keringkam. Oleh sebab itu, tudung masyarakat Melayu Sarawak dikenali sebagai tudung keringkam atau selayah keringkam.

Keringkam dikategorikan sebagai warisan dan budaya masyarakat Melayu Sarawak dan merupakan tudung tradisional Melayu Sarawak. Menurut Kamil Salem (2006),² keringkam Sarawak merupakan kraftangan masyarakat Melayu Sarawak yang menggabungkan corak yang cantik dalam penghasilan kraftangan dan sebagai informasi budaya. Tudung atau selayah keringkam merupakan pelengkap bagi pakaian tradisional wanita Melayu Sarawak. Keunikan selayah keringkam dalam penghasilannya iaitu dengan menyulam menggunakan pita besi yang bersadur emas atau perak, serta melambangkan kemewahan kepada si pemakai. Pada asalnya, selayah keringkam hanya digunakan oleh golongan bangsawan dan orang berada sahaja kerana harga selayah keringkam sangat mahal.

² K. S. (2006). *Sarawak Malay Culture : Tudung Keringkam*. Kuching: Pustaka Negeri Sarawak.

Sulaman keringkam Sarawak dipercayai wujud selepas datangnya pengaruh dari luar negara. Sulaman ini bukan sahaja melambangkan keindahan dan kecantikan seni, malahan, sulaman keringkam juga melambangkan identiti masyarakat Melayu Sarawak khususnya bagi golongan wanita. Sulaman kain sudah serasi dengan sosial budaya masyarakat Nusantara dan merupakan lambang keperibadian seseorang wanita melayu.



Gambar 1.1 : Selayah keringkam yang sudah siap sepenuhnya
(Sumber dari Kampung Budaya Sarawak)

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini berkaitan dengan jenis dan reka bentuk motif pada sulaman keringkam dari awal pembuatannya sehingga sekarang. Hal ini kerana, sulaman dipercayai wujud sejak zaman pemerintahan Islam, zaman Mesir Purba dan sehingga seni ini berkembang ke tamadun Melayu. Oleh sebab itu, kajian ini penting untuk mengenalpasti motif yang ada pada keringkam Sarawak walaupun sulaman sudah lama wujud di Sarawak.

1.2.1 Kaum Melayu Sarawak

Kaum Melayu merupakan kaum majoriti di Malaysia tetapi merupakan kaum kedua terbesar di Sarawak. Menurut buku *The Malay Culture of Sarawak* karya Abang Yusuf Puteh, perlembagaan persekutuan mendefinisikan Melayu sebagai seseorang yang menganuti agama Islam, lazimnya yang bercakap bahasa Melayu, dan mematuhi adat Melayu. Bagi orang bukan Melayu yang memeluk agama Islam, secara automatik sebagai Melayu jika mereka berbahasa Melayu dan mematuhi adat Melayu.³

Dalam karya Jeniri Amir yang berjudul *The Origins of Sarawak*, Melayu Sarawak bersifat kompleks dan datang dari empat pendapat seperti, Melayu merupakan kaum asal Sarawak dan bukan datang dari daerah lain, berasal dari kawasan Nusantara, berasal dari luar Nusantara iaitu Arab, dan berasal dari kaum lain yang memeluk agama Islam. Masyarakat Melayu Sarawak dipercayai tidak mempunyai keseragaman dalam kedatangan mereka dalam Sarawak dan mereka terdiri daripada pelbagai kelompok, asal-usul dan keturunan. (Abang Yusuf, 1966).

³ Puteh, Y. B. (1996). *The Malay culture of Sarawak*. Kuching, Sarawak, Malaysia: Shobra Pub.

1.2.2 Kraftangan Melayu

Kraftangan merupakan hasil karya seni yang dihasilkan bertujuan untuk kegunaan harian. Setiap kaum yang terdapat di Malaysia khususnya di Sarawak mempunyai hasil kraftangan yang tersendiri. Hasil kraftangan ini dihasilkan sebagai peralatan seharian mereka dan ada juga sebagai sumber pendapatan mereka. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga (1998), kraftangan didefinisikan sebagai hasil kerja atau hasil seni yang memerlukan kemahiran yang menggunakan tangan. Kraftangan Melayu terbahagi kepada beberapa jenis antaranya tenunan, sulaman, anyaman, dan ukiran.

Bagi masyarakat Melayu Sarawak, terdapat beberapa kraftangan yang dibuat. Antaranya ialah untuk pakaian, mereka membuat tenunan tekstil atau tenunan songket untuk menghasilkan kain *tapeh*. Daripada penghasilan tekstil tersebut, aktiviti sulaman digunakan untuk menghiaskan tekstil. Sulaman menggunakan tekstil kosong kemudian tekstil tersebut akan diperindahkan dengan hiasan motif sulaman. Di Sarawak, sulaman keringkam sangat sinonim dengan masyarakat Melayu Sarawak kerana sulaman keringkam ini melambangkan identiti mereka.